

## Appendix A

**Dr Fatimah Lateef:** Seorang wanita Melayu berusia 24 tahun yang juga merupakan ibu tunggal kepada enam orang anak berusia di antara enam bulan hingga tujuh tahun. Dua daripada mereka adalah anak tirinya dari suami keduanya dan dia baru berusia 24 tahun. Ketika saya berusia 24 tahun, saya baru sahaja tamat pengajian dan belum bersedia untuk berumahtangga dan belum bekerja. Tetapi, bagi wanita ini, dia sudah mempunyai enam orang anak.

Kadar penceraian di kalangan masyarakat Melayu masih tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat lain di Singapura. Terdapat pelbagai punca seperti, masalah kewangan, pasangan yang terlalu muda dan belum matang untuk berumahtangga, serta gejala-gejala luaran yang lain.

Adakah strategi-strategi yang ada kini mencukupi untuk menangani masalah ini? Adakah Kementerian mengambil kira usaha-usaha lain yang dapat mengurangkan kadar penceraian ini? Dan bagaimana pula dengan kursus-kursus persiapan rumahtangga yang telah dianjurkan? Adakah ianya efektif dan memberi kesan yang kita ingini? Saya juga ingin menyarankan agar langkah untuk meningkatkan usia minima untuk berkahwin bagi masyarakat Melayu dapat dipertimbangkan.